**KUMPULAN WANG BIASISWA PENGAJIAN TINGGI
RAJA-RAJA DAN YANG DI-PERTUA – YANG DI-PERTUA NEGERI**
(Ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan
Yang Di-Pertua – Yang Di-Pertua Negeri No. 284 tahun 1983)

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga

Kami, DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN dan DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang Di-Pertua - Yang Di-Pertua Negeri, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang Di-Pertua - Yang Di-Pertua Negeri bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.




Bagi Pihak Pemegang-pemegang
Amanah

Nama: **DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN
HARUN**

Gelaran: Pengerusi

Tarikh: 04 APR 2023

Tempat: Kuala Lumpur



Bagi Pihak Pemegang-pemegang
Amanah

**DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN
WAN ISMAIL**

Ahli Lembaga

04 APR 2023

Kuala Lumpur

**KUMPULAN WANG BIASISWA PENGAJIAN TINGGI
RAJA-RAJA DAN YANG DI-PERTUA – YANG DI-PERTUA NEGERI**
(Ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja
dan Yang Di-Pertua – Yang Di-Pertua Negeri No. 284 tahun 1983)

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN
KEWANGAN**

Saya, TAN SRI SYED DANIAL BIN SYED AHMAD, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang Di-Pertua - Yang Di-Pertua Negeri, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.


Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh

penama di atas **TAN SRI SYED DANIAL**

BIN SYED AHMAD di Kuala Lumpur

- 4 APR 2023

Pada





Tingkat 11, Blok A2-2 Wisma Yakin
Jalan Masjid India, 50100 Kuala Lumpur

**KUMPULAN WANG BIASISWA
PENGAJIAN TINGGI RAJA-RAJA DAN
YANG DI-PERTUA-YANG DI-PERTUA NEGERI**
(Ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi
Raja-Raja Dan Yang Di-Pertua-Yang Di-Pertua Negeri No. 284 tahun 1983)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2022**

	Nota	2022 RM	2021 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Pelaburan	6	48,068,474	48,463,840
Peralatan Pejabat	7	7,668	11,520
		<u>48,076,142</u>	<u>48,475,360</u>
ASET SEMASA			
Tunai Dan Baki Di Bank	8	142,258	410,069
Pelbagai Penghutang		-	65
		<u>142,258</u>	<u>410,134</u>
JUMLAH ASET		<u>48,218,400</u>	<u>48,885,494</u>
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Geran Tertunda	9	-	497,215
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang	10	-	240,000
Pelbagai Pemiutang	11	23,681	19,069
Pra-bayar (Transaksi Bukan Pertukaran)	12	28,667	26,667
		<u>52,348</u>	<u>285,736</u>
JUMLAH LIABILITI		<u>52,348</u>	<u>782,951</u>
ASET BERSIH		<u>48,166,052</u>	<u>48,102,543</u>
EKUITI			
Kumpulan Wang Berkumpul		<u>48,166,052</u>	<u>48,102,543</u>

Nota-nota di muka surat 43 hingga 55 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**KUMPULAN WANG BIASISWA
PENGAJIAN TINGGI RAJA-RAJA DAN
YANG DI-PERTUA-YANG DI-PERTUA NEGERI**

(Ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi
Raja-Raja Dan Yang Di-Pertua-Yang Di-Pertua Negeri No. 284 tahun 1983)

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

	Nota	2022 RM	2021 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan Daripada Transaksi Bukan Pertukaran	12	565,215	746,447
Pendapatan Daripada Transaksi Pertukaran	13	1,093,412	1,246,609
		<u>1,658,627</u>	<u>1,993,056</u>
PERBELANJAAN			
Belanja Kendalian	14	(954,554)	(862,341)
Belanja Kendalian Lain	15	(49,705)	(25,581)
Kos Kakitangan	16	(88,905)	(93,878)
		<u>(1,093,164)</u>	<u>(981,800)</u>
Lebihan Pendapatan Ke Atas Perbelanjaan		565,463	1,011,256
Kerugian Belum Direalisasi Ke Atas Pelaburan - Nota 6		<u>(501,954)</u>	<u>(504,219)</u>
Lebihan Pendapatan Ke Atas Perbelanjaan Bersih		<u>63,509</u>	<u>507,037</u>

Nota-nota di muka surat 43 hingga 55 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**KUMPULAN WANG BIASISWA
PENGAJIAN TINGGI RAJA-RAJA DAN
YANG DI-PERTUA-YANG DI-PERTUA NEGERI**
(Ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi
Raja-Raja Dan Yang Di-Pertua - Yang Di-Pertua Negeri No. 284 tahun 1983)

**PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Kumpulan Wang Terkumpul

	Nota	RM
Pada 1 Januari 2021		47,595,506
Lebih Pendapatan Ke Atas Perbelanjaan Selepas Cukai		507,037
Pada 31 Disember 2021		<u>48,102,543</u>
Pada 1 Januari 2022		48,102,543
Lebih Pendapatan Ke Atas Perbelanjaan Selepas Cukai		63,509
Pada 31 Disember 2022		<u>48,166,052</u>

Nota-nota di muka surat 43 hingga 55 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**KUMPULAN WANG BIASISWA
PENGAJIAN TINGGI RAJA-RAJA DAN
YANG DI-PERTUA-YANG DI-PERTUA NEGERI**
(Ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi
Raja-Raja Dan Yang Di-Pertua - Yang Di-Pertua Negeri No. 284 tahun 1983)

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

	2022	2021
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Terimaan Tunai	73,546	83,654
Tunai Dibayar	<u>(1,201,357)</u>	<u>(941,954)</u>
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Operasi	<u>(1,127,811)</u>	<u>(858,300)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pelaburan (Maybank Money Market-I Fund)	860,000	-
Pengurus Dana (Amanahraya Investment Management)	-	1,000,000
Tunai Bersih Dijana Daripada Aktiviti Pelaburan	<u>860,000</u>	<u>1,000,000</u>
(PENGURANGAN)/PENINGKATAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	(267,811)	141,700
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	<u>410,069</u>	<u>268,369</u>
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN - Nota 8	<u>142,258</u>	<u>410,069</u>

Nota-nota di muka surat 43 hingga 55 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KUMPULAN WANG BIASISWA PENGAJIAN TINGGI

RAJA-RAJA DAN YANG DI-PERTUA – YANG DI-PERTUA NEGERI

(Ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang di-Pertua – Yang di-Pertua Negeri No. 284 tahun 1983)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. MAKLUMAT AM

Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja Dan Yang Di-Pertua – Yang Di-Pertua Negeri adalah merupakan sebuah agensi berkanun di Malaysia. Kegiatan utama Kumpulan Wang adalah seperti berikut:

- a. Memberi biasiswa Di Raja kepada pelajar-pelajar di institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam Tempatan untuk ijazah pertama; dan
- b. Memberi kurniaan Anugerah Pelajaran Di Raja (Pingat Jaya Cemerlang)

Penyata Kewangan Kumpulan Wang bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah diluluskan oleh Ahli Lembaga pada _____.

20 FEB 2023

2. PENYATAAN PEMATUHAN

Penyata Kewangan Kumpulan Wang telah disediakan selaras dengan, dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara.

3. ASAS PENYEDIAAN

Penyata Kewangan Kumpulan Wang telah disediakan berdasarkan kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya.

4. PENGGUNAAN ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN

Pada kebiasaannya, pihak pengurusan menggunakan anggaran dan pertimbangan dalam mengukur sesetengah jumlah yang dilaporkan di dalam Penyata Kewangan yang dibentangkan. Memandangkan anggaran dan pertimbangan digunakan maka terdapat kebarangkalian nilai yang sebenar tidak sama dengan jumlah yang dilaporkan. Penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang untuk tahun semasa tidak melibatkan penggunaan anggaran dan pertimbangan yang ketara oleh pihak pengurusan.

5. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

Polisi-polisi perakaunan sepertimana yang dinyatakan selepas ini telah digunapakai secara konsisten untuk tempoh masa yang dinyatakan di dalam Penyata Kewangan yang dibentangkan, melainkan dinyatakan sebaliknya.

5.1 Instrumen Kewangan

5.1.1 Pengiktirafan Dan Pengukuran Permulaan

Kumpulan Wang mengiktiraf aset atau liabiliti kewangan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan bila dan hanya apabila Kumpulan Wang menjadi parti kepada peruntukan kontraktual instrumen berkenaan.

Pada permulaannya, instrumen kewangan diukur pada nilai saksama, yang pada kebiasaannya adalah nilai transaksi, dicampur, jika instrumen ini tidak diambilkira pada nilai saksama menerusi Penyata Prestasi Kewangan, kos transaksi yang secara langsung berkaitan untuk pemerolehan atau pengukuran instrumen kewangan berkenaan.

5.1.2 Kategori Instrumen Kewangan Dan Pengukuran Selanjutnya

Kumpulan Wang mengelaskan instrumen kewangannya seperti berikut:

5.1.2.1 Aset Kewangan

Aset kewangan kumpulan Wang terdiri daripada:

5.1.2.1.1 Pelaburan

Ahli Lembaga telah memperuntukkan sebahagian besar daripada dana yang ada bagi tujuan pelaburan untuk mendapatkan pulangan yang terbaik bagi menampung keperluan operasi Kumpulan Wang. Bagi tujuan ini, Ahli Lembaga telah melantik dua Pengurus Dana untuk membuat pelaburan-pelaburan berikut:

i. Pelaburan Pulangan Tetap

Sebahagian besar daripada dana pelaburan yang diperuntukkan telah dilabur di dalam Akaun Amanah Institusi yang ditawarkan oleh Amanah Raya Investment Management Sdn. Bhd., salah sebuah anak syarikat Amanah Raya Berhad yang dimiliki oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Pelaburan ini memberi pulangan yang lebih tinggi dan mempunyai risiko yang lebih rendah daripada simpanan tetap.

Nilai bawaan pelaburan ini pada penghujung tahun kewangan adalah bersamaan dengan nilai saksamanya memandangkan hibah yang ditawarkan adalah pada kadar semasa pasaran.

ii. Pelaburan Ekuiti

Pelaburan dibuat di dalam pasaran saham patuh syariah yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Pada penghujung tahun kewangan, pelaburan ini diambilkira pada nilai saksama iaitu pada harga pasaran. Perbezaan di antara nilai kos dan nilai pasaran saham-saham ini dinyatakan sebagai keuntungan/(kerugian) belum direalisasikan ke atas pelaburan di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

iii. Pelaburan Unit Amanah

Dana pelaburan unit amanah ini bertujuan untuk menyediakan Lembaga dengan mudah tunai tahap tinggi dan aliran pendapatan tetap untuk memenuhi keperluan aliran tunai berdasarkan prinsip Syariah sambil mengekalkan pemeliharaan pelaburan pokok.

Pada penghujung tahun kewangan, pelaburan ini diambilkira pada nilai saksama iaitu pada harga pasaran. Perbezaan di antara nilai kos dan nilai pasaran Unit Amanah ini dinyatakan sebagai keuntungan/(kerugian) belum direalisasi ke atas pelaburan di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

5.1.2.1.2 Tunai, Baki Di Bank Dan Pasaran Wang.

Nilai bawaan tunai dan kesetaraan tunai ini adalah hampir sama dengan nilai saksamanya memandangkan sifat instrumen-instrumen ini yang berupa jangka pendek.

5.1.2.2 Liabiliti Kewangan

Liabiliti Kewangan terdiri daripada Pelbagai Pemiutang dan Prabayar. Kesemua liabiliti kewangan diukur seterusnya pada kos kerana nilainya hampir sama dengan nilai saksama instrumen-instrumen kewangan ini yang bersifat jangka pendek.

5.1.3 Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyahiktirafkan bila dan hanya apabila hak kontraktual untuk menerima aliran tunai dari aset kewangan tersebut tamat.

Liabiliti kewangan dinyahiktirafkan bila dan hanya apabila ianya terhapus secara sah apabila obligasi yang dinyatakan di dalam kontrak yang berkenaan bersetuju diberhentikan atau dibatalkan ataupun tamat.

5.1.4 Nilai Saksama

Nilai saksama instrumen-instrumen kewangan yang diniagakan di dalam pasaran yang aktif pada penghujung tahun kewangan adalah dirujuk kepada jumlah yang disebut harga pada tarikh berkenaan.

5.2 Peralatan Pejabat

Kos sesuatu item yang bernilai RM 2,000 dan ke atas bagi peralatan pejabat diiktiraf sebagai aset hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan akan mengalir ke dalam Kumpulan Wang dan kos item tersebut boleh diukur dengan tepat. Selepas diiktiraf sebagai aset, semua item peralatan pejabat adalah diukur pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan sebarang penjejasan terkumpul.

Susutnilai disediakan atas kaedah garis lurus untuk menghapuskan amaun yang boleh disusutnilai sepanjang jangka hayat kegunaannya pada kadar 20%.

Susutnilai dikira penuh dalam tahun pembelian dan tidak dikira dalam tahun pelupusan.

5.3 Penjejasan Nilai Aset Bukan Kewangan

Kerugian daripada penjejasan nilai aset bukan kewangan berlaku apabila nilai bawaan aset melebihi nilai yang boleh ditebus semula.

Pada tarikh pelaporan, Kumpulan Wang membuat penilaian samada terdapat bukti yang menunjukkan bahawa aset-aset ini telah mengalami pengurangan nilai dengan merujuk kepada informasi yang diperolehi secara dalaman dan/atau dari pasaran yang aktif.

5.4 Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai dalam Penyata Aliran Tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki di bank dan pasaran wang.

5.5 Manfaat Pekerja

5.5.1 Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Manfaat pekerja jangka pendek, contohnya upah, gaji dan manfaat lain, adalah diiktiraf sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila pekerja telah melaksanakan perkhidmatan kepada Kumpulan Wang.

5.5.2 Pelan Caruman Wajib

Caruman yang perlu dibayar kepada pelan caruman wajib diiktiraf sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila pekerja telah melaksanakan perkhidmatan kepada Kumpulan Wang.

5.5.3 Gantian Cuti Rehat

Peruntukan dibuat berdasarkan kepada formula berikut :

Gantian cuti rehat yang diluluskan X $\frac{\text{Gaji kasar} *}{30}$

*Gaji kasar adalah berdasarkan kepada gaji pada akhir tahun kewangan.

5.6 Peruntukan

Peruntukan dibuat apabila Kumpulan Wang mempunyai tanggungan semasa (secara legal atau konstruktif) lanjutan daripada perlakuan pada masa lepas.

Pengaliran dana merangkumi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan perlu bagi memenuhi obligasi tersebut dan anggaran yang dipercayai boleh dibuat ke atas obligasi yang berkenaan.

5.7 Pendapatan

5.7.1 Pendapatan Daripada Transaksi Bukan Pertukaran

5.7.1.1 Kurniaan

Kurniaan dari Raja-Raja Melayu dan Yang Di-Pertua - Yang Di-Pertua Negeri adalah berdasarkan ketetapan mesyuarat yang telah dipersetujui.

5.7.1.2 Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Manakala geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

5.7.2 Pendapatan Daripada Transaksi Pertukaran

Pendapatan daripada pelaburan adalah jumlah yang telah direalisasi sepanjang tahun kewangan oleh pengurus-pengurus dana yang dilantik.

5.8 Cukai Pendapatan

Kumpulan Wang telah dikecualikan daripada cukai pendapatan ke atas semua pendapatannya kecuali pendapatan daripada dividen.

6. PELABURAN

	2022	2021
	RM	RM
6.1 Pelaburan Pulangan Tetap		
Pada 1 Januari	37,622,676	37,586,222
Pengeluaran pelaburan	-	(1,000,000)
Penambahan dalam tahun semasa	995,214	1,124,833
Bayaran - yuran pengurusan	(23,432)	(88,379)
Pada 31 Disember	<u>38,594,458</u>	<u>37,622,676</u>
6.2 Pelaburan Ekuiti		
Pada 1 Januari	8,355,183	8,883,593
Keuntungan kasar tahun semasa	94,706	71,314
Bayaran pengurusan	(99,910)	(95,515)
Penurunan nilai saksama pada akhir tahun (Penyata Prestasi Kewangan)	(543,873)	(504,209)
Pada 31 Disember	<u>7,806,106</u>	<u>8,355,183</u>
6.3 Pelaburan Unit Amanah		
Pada 1 Januari	2,485,981	2,441,245
Pengeluaran pelaburan	(854,776)	-
Keuntungan tahun semasa	-	44,746
Penambahan/(penurunan) nilai saksama pada akhir tahun (Penyata Prestasi Kewangan)	36,705	(10)
Pada 31 Disember	<u>1,667,910</u>	<u>2,485,981</u>
Jumlah Pelaburan	<u>48,068,474</u>	<u>48,463,840</u>
Terdiri Daripada :		
Saham-saham tersiarharga	6,102,582	7,447,109
Pendapatan terakru	107,154	95,410
Pasaran wang	39,208,984	38,066,309
Baki di bank	1,075,084	110,055
Jumlah terhutang kepada broker	(114,085)	(38,308)
Jumlah terhutang oleh pengurus dana	-	283,794
Keuntungan - simpanan tetap	108	24
Dividen terakru	20,737	13,466
Unit Amanah	1,667,910	2,485,981
	<u>48,068,474</u>	<u>48,463,840</u>

7. PERALATAN PEJABAT

<u>2022</u> Kos	Alat pejabat RM
Pada 1 Januari 2022	26,077
Tambahan	-
Pada 31 Disember 2022	<u>26,077</u>
 Susutnilai	
Pada 1 Januari 2022	14,557
Tambahan	3,852
Pada 31 Disember 2022	<u>18,409</u>
 Amaun Bawaan	
Pada 31 Disember 2021	<u>11,520</u>
Pada 31 Disember 2022	<u>7,668</u>

8. TUNAI DAN BAKI DI BANK

	2022 RM	2021 RM
Tunai dalam tangan	500	500
Baki di bank	141,758	409,569
	<u>142,258</u>	<u>410,069</u>

LATAR BELAKANG ORGANISASI	KEAHLIAN LEMBAGA	AHLI JAWATANKUASA PELABURAN	MESYUARAT LEMBAGA	PEMBERIAN BIASISWA TAHUN 2022
---------------------------	------------------	-----------------------------	-------------------	-------------------------------

9. GERAN TERTUNDA

	2022	2021
	RM	RM
Pada 1 Januari	497,215	1,175,662
Tolak perbelanjaan yang berkaitan dengan biasiswa - Nota 12.2	(497,215) *	(678,447) *
Pada 31 Disember	-	497,215

*Terdiri daripada:	2022	2021
	RM	RM
-Bayaran Anugerah	67,906	338,000
-Biasiswa	429,309	340,447
	497,215	678,447

10. PEMIUTANG

Terdiri daripada:	2022	2021
	RM	RM
Universiti Teknikal Malaysia Melaka	-	15,000
Universiti Teknologi Malaysia	-	15,000
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	-	15,000
Universiti Putra Malaysia	-	30,000
Universiti Malaysia Sarawak	-	15,000
Universiti Malaysia Pahang	-	15,000
Universiti Malaysia Terengganu	-	15,000
Universiti Sains Malaysia	-	15,000
Universiti Pendidikan Sultan Idris	-	15,000
Universiti Malaysia Perlis	-	30,000
Universiti Malaysia Kelantan	-	15,000
Universiti Malaysia Sabah	-	15,000
Universiti Sultan Zainal Abidin	-	15,000
Universiti Utara Malaysia	-	15,000
	-	240,000

LATAR BELAKANG ORGANISASI	KEAHLIAN LEMBAGA	AHLI JAWATANKUASA PELABURAN	MESYUARAT LEMBAGA	PEMBERIAN BIASISWA TAHUN 2022
---------------------------	------------------	-----------------------------	-------------------	-------------------------------

11. PELBAGAI PEMIUTANG

Terdiri daripada:	2022	2021
	RM	RM
Yuran akaun dan audit	13,975	10,460
Peruntukan - Gantian cuti rehat	7,634	7,124
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	975	1,485
Tuntutan Perjalanan	259	-
Gaji Dan Bonus	338	-
Amanahraya Investment Management	500	-
	<u>23,681</u>	<u>19,069</u>

12. PRABAYAR/PENDAPATAN DARIPADA TRANSAKSI BUKAN PERTUKARAN

12.1 Kurniaan Daripada Raja-raja

	Baki pada 1 Januari 2022		Baki pada 31 Disember 2022		
	Jumlah Prabayar	Kurniaan Semasa	Terimaan Semasa	Jumlah Terhutang	Jumlah Prabayar
	RM	RM	RM	RM	RM
DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di- Pertuan Agung XVI	4,000	6,000	6,000	-	4,000
KDYMM Sultan Terengganu	-	6,000	6,000	-	-
KDYMM Sultan Kedah Darul Aman	-	6,000	6,000	-	-
DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan	-	6,000	6,000	-	-
DYMM Sultan Selangor	12,667	6,000	-	-	6,667
DYMM Yang Dipertua Besar Negeri Sembilan	-	6,000	6,000	-	-
KDYMM Sultan Pahang	-	6,000	6,000	-	-
YTM Tengku Mahkota Kelantan	2,000	6,000	6,000	-	2,000
DYMM Tuanku Raja Perlis	-	6,000	6,000	-	-
DYMM Sultan Johor	-	6,000	6,000	-	-
TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang	-	2,000	2,000	-	-
TYT Yang Dipertua Negeri Melaka	8,000	2,000	10,000	-	16,000
TYT Yang Dipertua Negeri Sarawak	-	2,000	2,000	-	-
TYT Yang Dipertua Negeri Sabah	-	2,000	2,000	-	-
	<u>26,667</u>	<u>68,000</u>	<u>70,000</u>	<u>-</u>	<u>28,667</u>
12.2 Pendapatan Geran Tertunda - Nota 9		<u>497,215</u>			
		<u>565,215</u>			

LATAR BELAKANG ORGANISASI	KEAHLIAN LEMBAGA	AHLI JAWATANKUASA PELABURAN	MESYUARAT LEMBAGA	PEMBERIAN BIASISWA TAHUN 2022
---------------------------	------------------	-----------------------------	-------------------	-------------------------------

12.1 Kurniaan Daripada Raja-raja (smbg.)

	Baki pada 1 Januari 2021			Baki pada 31 Disember 2021	
	Jumlah Prabayar	Kurniaan Semasa	Terimaan Semasa	Jumlah Terhutang	Jumlah Prabayar
	RM	RM	RM	RM	RM
DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di- Pertuan Agong XVI	4,000	6,000	6,000	-	4,000
KDYMM Sultan Terengganu	-	6,000	6,000	-	-
KDYMM Sultan Kedah Darul Aman	-	6,000	6,000	-	-
DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan	-	6,000	6,000	-	-
DYMM Sultan Selangor	10,667	6,000	8,000	-	12,667
DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan	-	6,000	6,000	-	-
KDYMM Sultan Pahang	-	6,000	6,000	-	-
YTM Tengku Mahkota Kelantan	2,000	6,000	6,000	-	2,000
DYMM Tuanku Raja Perlis	-	6,000	6,000	-	-
DYMM Sultan Johor	-	6,000	6,000	-	-
TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang	-	2,000	2,000	-	-
TYT Yang Dipertua Negeri Melaka	-	2,000	10,000	-	8,000
TYT Yang Dipertua Negeri Sarawak	-	2,000	2,000	-	-
TYT Yang Dipertua Negeri Sabah	-	2,000	2,000	-	-
	<u>16,667</u>	<u>68,000</u>	<u>78,000</u>	<u>-</u>	<u>26,667</u>

12.2 Pendapatan Geran Tertunda - Nota 9

<u>678,447</u>
<u>746,447</u>

13. PENDAPATAN DARIPADA TRANSAKSI PERTUKARAN

	2022	2021
	RM	RM
13.1 Pelaburan		
Pelaburan Pulangan Tetap		
Pendapatan tetap	992,982	1,184,695
Pasaran wang	2,232	(59,862)
	995,214	1,124,833
Pelaburan Ekuiti		
Kerugian yang direalisasi untuk tahun semasa	(409,503)	(106,504)
Pembalikan semula keuntungan nilai saksama ditunjuk bersih pada awal tahun	504,209	177,818
	94,706	71,314
Pelaburan Unit Amanah		
Keuntungan yang direalisasi untuk tahun semasa	315	44,746
Pembalikan semula keuntungan nilai saksama ditunjuk bersih pada awal tahun	10	-
	325	44,746
 Jumlah perolehan pelaburan	 1,090,245	 1,240,893
13.2 Lain-Lain Pendapatan		
Faedah bank	3,167	5,654
Keuntungan atas pelupusan aset	-	62
	3,167	5,716
	1,093,412	1,246,609

14. BELANJA KENDALIAN

Terdiri daripada:	2022	2021
	RM	RM
Bayaran anugerah	323,000	338,000
Basiswa	508,212	340,447
Maybank Asset Management		
- Yuran pengurusan portfolio	21,614	22,918
- Bayaran bank	10	5
- Pelbagai	26,373	17,474
Amanahraya Investment Management		
- Yuran pengurusan portfolio	69,213	134,516
- Bayaran bank	22	-
- Pelbagai	6,110	8,981
	954,554	862,341

LATAR BELAKANG ORGANISASI	KEAHLIAN LEMBAGA	AHLI JAWATANKUASA PELABURAN	MESYUARAT LEMBAGA	PEMBERIAN BIASISWA TAHUN 2022
---------------------------	------------------	-----------------------------	-------------------	-------------------------------

15. BELANJA KENDALIAN LAIN

Terdiri daripada:	2022 RM	2021 RM
Aset tidak dipermodalkan	-	572
Bayaran bank	8	13
Bayaran perubatan	-	310
Pelbagai	4,935	1,506
Percetakan, alatulis, pos dan perjalanan	24,991	9,536
Penyelenggaraan alat pejabat	3,760	390
Susutnilai	3,852	3,852
Telefon	788	849
Yuran akaun & audit	11,371	8,553
	49,705	25,581

16. KOS KAKITANGAN

Terdiri daripada:	2022 RM	2021 RM
Elaun	5,400	5,400
Gaji, bonus dan kerja lebih masa	72,838	74,850
Gantian cuti rehat	511	1,736
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	8,802	10,455
Pertubuhan Keselamatan Sosial	1,215	1,291
Pertubuhan Keselamatan Sosial (SIP)	139	146
	88,905	93,878

Kumpulan Wang mempunyai seorang (2021 - 2 orang) pekerja sepenuh masa di mana emolumen tahunan adalah RM 26,000 - RM 47,000 (2021 - RM 25,000 - RM 47,000)

17. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Kumpulan Wang terdedah kepada beberapa risiko lanjutan daripada penggunaan beberapa instrumen kewangan. Risiko-risiko berkenaan dan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi atau meminimumkan pendedahan Kumpulan Wang kepada risiko-risiko ini adalah seperti berikut:

17.1 Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko berlakunya kerugian kewangan jika pihak yang terlibat di dalam instrumen kewangan tidak dapat menunaikan obligasi kontrak mereka. Kumpulan Wang terdedah kepada risiko ini menerusi Pelaburan, Tunai dan Kesetaraan Tunai.

Untuk mengatasi risiko ini, Ahli Lembaga hanya meluluskan pelantikan/perkhidmatan pengurus dana/institusi kewangan yang mempunyai pengiktirafan kredit yang baik dan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Pelaburan ini juga dijamin oleh Amanah Raya Berhad, sebuah institusi kewangan milik Kementerian Kewangan Malaysia.

17.2 Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko Kumpulan Wang tidak berupaya untuk menunaikan obligasi kewangan bila ianya tertunggak. Kumpulan Wang terdedah kepada risiko kecairan terutama sekali bayaran kepada penerima biasiswa.

Untuk mengatasi risiko ini, sebahagian besar daripada dana terkumpul Kumpulan Wang telah dilaburkan di dalam Pelaburan Pulangan Tetap dengan pengurus dana/institusi yang mempunyai pengiktirafan kredit yang baik. Pulangan tahunan daripada pelaburan ini dapat menampung keperluan operasi tahunan Kumpulan Wang. Dalam masa yang sama pihak pengurusan akan memastikan jumlah yang diperlukan, untuk operasi yang lancar, ditentukan pada permulaan setiap tahun kewangan. Kelulusan Ahli Lembaga dipohon untuk pengeluaran dari pengurus dana jika terdapat kekurangan baki bank untuk menampung perbelanjaan yang diperlukan.

17.3 Risiko Pasaran

Risiko pasaran adalah risiko berlakunya perubahan dalam pasaran seperti harga saham didalam pasaran yang aktif dan kadar hibah yang memberi kesan kepada pendapatan Kumpulan Wang atau nilai instrumen kewangan yang dipegang. Tujuan utama pengurusan risiko pasaran ini adalah untuk mengawal dan memastikan bahawa pendedahan instrumen kewangan Kumpulan Wang didalam lingkungan yang munasabah disamping dapat memberi pulangan yang optima lanjutan daripada pendedahan ke atas risiko ini.

17.3.1 Pelaburan Pulangan Tetap

Perubahan kadar hibah pasaran tidak memberi kesan kepada pelaburan ini memandangkan pelaburan ini mempunyai kadar yang tetap.

17.3.2 Pelaburan Ekuiti

Kumpulan Wang mempunyai Jawatan Kuasa Pelaburan dimana pemantauan secara berkala dibuat ke atas pengurus dana untuk memastikan mandat yang diberi telah dipatuhi. Pengurus-pengurus dana memberi penerangan kepada Ahli Lembaga berkenaan pasaran semasa dan prospek akan datang serta strategi bersesuaian yang akan diambil. Ahli Lembaga akan memberi pandangan ke atas strategi-strategi yang dicadangkan.

17.3.2 Pelaburan Unit Amanah

Walaupun pelaburan pokok tidak dijamin untuk tidak mengalami penurunan, polisi unit amanah ini adalah untuk melabur pada tahap minima 90 peratus di dalam Simpanan Tetap-i, pasaran wang islam dan/atau sukuk yang tidak melebihi 365 hari tempoh matang. Bakinya pula boleh dilaburkan dalam Sukuk yang mempunyai tempoh matang di antara 365 hari sehingga 732 hari.

18. KOMITMEN

	2022	2021
	RM	RM
Bayaran biasiswa kepada pelajar-pelajar yang ditaja		
Jumlah yang dikontrakkan tetapi belum dibayar	814,447	852,263



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR
www.printnasiona.com.my
email: cservice@printnasiona.com.my
Tel.: 03-9236 6888